

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN  
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI  
WATERFRONT BANDAR SERI BEGAWAN**

**PADA HARI SABTU, MALAM AHAD,  
25 JAMADILAKHIR 1432  
BERSAMAAN 28 MEI 2011**

**JAM 8.30 MALAM**

**BERTEMPAT  
DI KAWASAN 'WATERFRONT'  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
JALAN McARTHUR,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Mengadap Kehadapan Majlis**

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**

Beribu ampun. Dengan penuh hormat serta takzim hamba Duli Tuanku menjunjung ampun menyembahkan sembah menjunjung kasih diatas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Pembukaan Rasmi *Waterfront* Bandar Seri Begawan yang mana Duli Tuanku juga berkenan akan menyempurnakan perasmiannya.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku ini akan menjadi ristaan baik dalam lipatan sejarah perkembangan dan kemajuan *Waterfront* Bandar Seri Begawan ini di masa hadapan.

Pembinaan *Waterfront* Bandar Seri Begawan telah dilaksanakan dalam tiga fasa dengan kos berjumlah \$5.6 juta. Ianya adalah projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012.

Tapak Waterfront seluas 1.8 hektar ini pada asalnya adalah *Dermaga Kastam dan Eksais Diraja*. Ia mempunyai sejarahnya yang tersendiri sebagai pelabuhan serta pintu masuk penumpang-penumpang dan barangan import melalui laut. Kini ia telah berubah corak dan wajah. Serentak dengan itu ia juga berubah fungsi. *Dermaga* yang kini menjadi *Waterfront* dijangka akan melakar sejarahnya yang baharu sebagai tempat kunjungan ramai bagi kegiatan sosial-ekonomi. Lokasinya yang strategik berhadapan dengan Kampung Ayer adalah sangat memberinya potensi menjadi destinasi pelancongan dari dalam dan luar negeri.

Sementara bangunan lama Kastam yang dikekalkan sebagai bangunan Warisan telah diberi fungsi baharu oleh Jabatan Muzium-Muzim, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan menjadikannya Balai Pameran Perkembangan Bandar Seri Begawan. Adalah sangat tepat Balai Pameran sedemikian dihubungkan dengan Waterfront ini. Ia 'meriwayatkan' episod-episod tentang ibu negeri Brunei. Bermula daripada Kota Batu ke Kampung Ayer, kemudian ke daratan menjadi Pekan dan Bandar Brunei yang ditransform sebagai ibu negara dengan nama bersukutnya 'Bandar Seri Begawan'.

*Waterfront* dengan kemudahan-kemudahannya adalah merupakan 'social support' kepada rakyat untuk mencapai kehidupan yang bermutu selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dalam aspek 'universal access to

essential public facilities.' Kerana itu, semua agensi Kerajaan, swasta dan NGO adalah digalakkan untuk menggunakan Waterfront ini untuk kegiatan-kegiatan yang wajar dalam konteks masyarakat yang dinamik namun tetap kukuh beragama dan beradat.

Beribu ampun, sebelum hamba Duli Tuanku berundur diri, hamba Duli Tuanku sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Duli Tuanku. Hamba Duli Tuanku seterusnya menjunjung perkenan Duli Tuanku bagi hamba Duli Tuanku menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman.

Sembah ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya juga hamba Duli Tuanku sembahkan diatas keberangkatan Paduka-Paduka kekanda dan Paduka-Paduka adinda Duli Tuanku:

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah

Seterusnya disebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Pengiran-Pengiran Cheteria, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri dan Jemputan-Jemputan Khas.

Dalam kesempatan ini juga, hamba Duli Tuanku dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi, Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja, agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta serta para individu yang terlibat dalam memberikan apa jua sumbangan yang berupa buah fikiran, khidmat bakti, sokongan dan bantuan dalam bersama-sama mengunghayahkan dan menjayakan Majlis Pembukaan Rasmi *Waterfront Bandar Seri Begawan*.

Semogalah Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan rahmat dan ganjaran yang sebaik-baiknya kepada semua yang berkenaan.

Sekian.

وبالله التوفيق و الهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman.  
(*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri*).

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,  
Bandar Seri Begawan.  
21 Jamadilakhir 1432 / 25 Mei 2011